

**MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1439 HIJRAH
PERINGKAT NEGARA**

**Hari Khamis Malam Jumaat
1 Muharram 1439H bersamaan 21 September 2017M
Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong**



ڪيئيڻين عادل ترس ڪسجهٽا



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



**ATURCARA
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1439 HIJRAH
PERINGKAT NEGARA**

**Hari Khamis Malam Jumaat
1 Muharram 1439H bersamaan 21 September 2017M
Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong**

- 4.45 petang : Ahli Jawatankuasa dan Para Peserta persembahan hadir.
- 5.00 petang : Para Jemputan mulai hadir.
: Bacaan Zikir beramai-ramai.
- 5.20 petang : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara.
- 5.50 petang : Keberangkatan **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berserta Kerabat Diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1439 Hijrah.
- : Sebaik-baik sahaja **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** selesai menunaikan Sembahyang Tahiyyatul Masjid, majlis dimulakan.
- : Bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah 1438.
- : Selesai Doa Akhir Tahun dibacakan, tembakan meriam sebanyak 21 das mula dilepaskan.
- 6.17 petang : Azan Maghrib.
: Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah.
- : Bacaan Doa Awal Tahun Hijrah 1439.
- : Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.
- : Bacaan Surah Al-Fatiyah.

- : Sembah Alu-Aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1439 Hijrah.
 - : Tazkirah Hijrah.
 - : Bacaan Do'a Selamat.
- 7.26 malam : Azan 'Isya'.
- : Sembahyang Fardhu 'Isya' Berjemaah.
 - : **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berangkat meninggalkan majlis dengan diikuti oleh Kerabat Diraja dan Pembesar-Pembesar Negara.
 - : Majlis bersurai.

KATA ALU-ALUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء
والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah. Kita diizinkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sampai ke penghujung tahun 1438 Hijrah. Dan dengan penuh rasa syukur pula kita melangkah menyuruki gerbang tahun baharu 1439 Hijrah.

Begitu cepat masa berlalu. Sebagai kumpulan masyarakat dan bangsa kita telah mengharungi hari-harinya dengan selamat. Kita berjaya mengekalkan keamanan negara sambil terus berazam untuk memaju dan membangunnya sebagai negara moden dalam calak negara Melayu Islam Beraja yang diberkati.

Awal Tahun Hijrah kita sambut dengan ingatan kepada peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam lebih seribu empat ratus tahun dahulu dari Mekah ke Madinah. Sesungguhnya peristiwa bersejarah hijrah Baginda itu telah menjadi mercu tanda perkembangan ugama Islam yang didakwahkan ke mana-mana hingga sampai ke negara kita di Alam Melayu, rantau Tenggara Asia. Kesannya ialah negara kita menjadi negara Islam. Kita sangat mensyukuri keislaman Brunei itu yang terus-menerus menjadi negara berpemerintahan beraja yang adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia.

Sambutan pada tahun ini bertepatan dengan negara kita merayakan Jubli Emas 50 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Wali al-Amri bagi rakyat dan penduduk negara ini dalam berkerajaan dan berpemerintahan. Sambutan Jubli Emas itu suatu peristiwa yang bersejarah, dan nilai sejarahnya itu akan sangat berharga kepada kita pada masa ini dan generasi pada masa akan datang. Ia ditandai dengan kecemerlangan kepimpinan seorang raja Melayu Islam yang berjaya meneruskan pembangunan Brunei moden yang diasaskan oleh Paduka Ayahanda Baginda dan mengembangkannya pada landasan tradisi pemerintahan negara beraja yang bermotikan: Sentiasa Berbuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah, seperti yang jelas terbentang dalam kibaran bendera kebangsaan negara.

Sehubungan dengan itulah Sambutan Awal Tahun Hijrah 1439 ini kita berikan tema: Kepimpinan Adil Teras Kesejahteraan. Tujuannya ialah menghubung-kaitkan kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang telah berjaya menegakkan negara Islam pertama yang diredhai dan diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan kejayaan Negara Brunei Darussalam yang Islami di bawah kepimpinan rajanya yang soleh bercirikan kepimpinan Islam yang tercerna dalam kepimpinan Nabi kita seperti disebutkan dalam Al-Qur'an Surah At-Taubah ayat 128 :

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا مَنَعَنْمٌ
خَرِصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Terjemahannya:

“Demi sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul (Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam) daripada golongan kamu sendiri, yang sangat mengambil berat terhadap kesusahan yang kamu tanggung, yang menginginkan kebaikan kepada kamu, sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang beriman”.

Mafhumnya mengandungi tiga ciri utama kepimpinan Islam iaitu:

- Sangat mengambil berat terhadap kesusahan yang ditanggung oleh rakyat.
- Sangat menginginkan kebaikan mereka, dan
- Sangat penyantun lagi mengasihi mereka.

Lalu dalam konteks inilah rakyat diperintahkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk taat kepada Allah dan kepada Rasul (Nabi Muhammad) serta taat setia juga kepada Uli al-Amri iaitu iaitu pemimpin-pemimpin mereka. Dalam waktu yang sama diperintahkan pula supaya pemimpin dan rakyat tetap memelihara dan mengekalkan hubungan baik antara mereka, dan jika terjadi pertikaian dalam sesuatu perkara atau urusan maka rujuklah dengan mencari huraian atau penyelesaian menurut hukum Allah Subhanahu wa Ta'ala. (Seperti disebutkan dalam Al-Qur'an ayat 59 Surah An-Nisa')

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ هُمُ الْمُنْكَرُ
مِنْكُمْ فَإِنْ تَنْزَعُمُ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ
إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ
تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Ciri kepimpinan sedemikian itulah yang menjamin kesejahteraan bagi semua. Negara kita Brunei Darussalam telah membuktikannya dengan kesejahteraan yang berterusan bagi semua berkat kepimpinan raja yang sangat pemedulian terhadap ehwal rakyat, sangat berhasrat untuk kebaikan mereka dan seterusnya sangat mengasihi mereka. Semuanya itu menjadikan Baginda kepala negara dan ketua kerajaan yang disanjung tinggi oleh rakyat yang bertaat setia kepada Baginda sesuai dengan perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala itu.

Dan itulah tunggak kekuatan kita demi mengekalkan keamanan dan ketenteraman sambil meneruskan semua bidang pembangunan yang diredhai Allah dan yang akan mendatangkan keberkatan kepada negara kita yang tercinta, Brunei Darussalam, dan segenap isi di dalamnya.

Demikianlah.

Selamat Tahun Baharu Hijrah 1439.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.

**Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin
Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Selaku Penggerusi
Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam
Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran
Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan
Tahun 1439 Hijrah.

OPENING REMARKS

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء
والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Praise be to Allah, Allah the Al-Mighty has given us the opportunity until the end of year 1438 hijrah. With gratitude, we will be entering the new year of 1439 hijrah.

Time flies by so fast. As a group of nation and society, we have managed to undergo the days safely. We are able to maintain the peace of the country while continue to develop and build it up as a modern nation in the mold of the state's Royal Islamic Monarchy that is blessed.

We celebrated an early Year of Hijrah by commemorating the migration of the Prophet Muhammad Peace Be Upon Him over one thousand four hundred years ago from Mecca to Medina. The historical incident of the Prophet's migration was indeed has become the landmark of the development of Islamic religion that had been propagated anywhere until it reached to the Malay World, Southeast Asia region. And this has made our country as an Islamic nation. We are so grateful that Brunei with Islam as its religion to continuously be a sovereign fair monarchy, led the people to remain blissful.

This year's celebration is coincide with the State to celebrate 50 Years Golden Jubilee of Ruling of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, who is the 'Wali al-Amri' for the

people and residents of this country in governance and government. The Golden Jubilee celebration is a historical event and its value is so much worthy to all of us currently and for the future generation. It is marked with an excellence leadership of Malay Islamic Monarch whom are successful continuing the development of modern Brunei which was founded by His Majesty's late father and expanding it on the basis of a monarchy tradition with a motto: Always Render Service With God's Guidance, as lies clearly in the national flag.

In relation to this, an Early Year of 1439 Hijrah celebration is given a theme: 'Righteous Leadership is the Core of Prosperity'. The objective is to link the leadership of the Prophet Muhammad Peace Be Upon Him whom had successfully uphold the first Islamic nation which was blessed by Allah the Al-Mighty with the success of the Islamization of Brunei Darussalam under the leadership of its righteous king which characterized Islamic leadership which is undermined in the leadership of our Prophet as mention in the Quran in Surah At-Taubah verse 128:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْهُمْ
حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

"Verily, there has come unto you a Messenger (Muhammad Peace Be Upon Him) from amongst yourselves (i.e. whom you know well). It grieves him that you should receive any injury or difficulty. He (Muhammad Peace Be Upon Him) is anxious over you (to be brightly guided, to repent to Allah, and beg Him to pardon and forgive your sins, in order that you may enter Paradise and be saved from the punishment of the Hell-Fire), for the believers (he Peace Be Upon Him is) full of pity, kind and merciful."

Its understanding consists of three main features of Islamic leadership that is:

- Care so much towards the difficulty of the people
- Eager for their kindness, and
- Very polite and loving his people

Therefore, in this context, Allah the Al-Mighty has ordered the people to obey Allah the Al-Mighty and Prophet Muhammad Peace Be Upon Him as well as their Uli al-Amri that is their leaderships. At the same time, the leader and his people are commanded to preserve and perpetuate the good relation between them, and if dispute do arise in some affairs or matters then they need to refer by looking for the solution and explanation according to the law of Allah the Al-Mighty. (as mention in the Quran verse 59 of Surah An-Nisa')

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَعْلَمُ
مِنْكُمْ فَإِن تَرْغَبُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ
إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ
ثَوْبًا ﴿٥٩﴾

This kind of leadership character guarantees the prosperity of the people. Our country, Brunei Darussalam has proven with the continuous prosperity of all due to the bless of Monarch leadership who care so much towards the affairs of his people, desire for the kindness of his people, and the love for his people. All of that has made the King as the ruler and head of the nation which is highly glorify by the people that are loyal to their King in accordance with the order of Allah the Al-Mighty.

That is our strong pillars in order to maintain peace and prosperity while continue all areas of development that is blessed by Allah the Al-Mighty which will led to the blessing to our beloved country, Brunei Darussalam and all of its contents.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.

**His Honorable
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin
Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Minister of Religious Affairs**

As Chairman of Executive Committee of the Islamic
Glorification Days Celebration National Level and Quran
Reading Competition Adult Level
For Year 1439 Hijrah

HURAIAN TEMA MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1439 HIJRAH PERINGKAT NEGARA

Permulaan Awal Tahun Hijrah adalah untuk memperingati peristiwa penghijrahan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam daripada kota suci Mekah ke kota Madinah untuk menurut perintah Allah Subhanahu wa Ta’ala dalam mempertahankan kesucian agama Islam.

Tema Awal Tahun Hijrah pada tahun ini adalah ‘Kepimpinan Adil Teras Kesejahteraan’, di mana tema ini bersangkutan dengan tatacara seorang pemimpin untuk memimpin orang di bawah tanggungannya mengikut apa yang telah digariskan oleh Agama Islam.

Sepertimana firman Allah Subhanahu wa Ta’ala, dalam Surah An-Nisa’, ayat 135 yang tafsirnya, “*Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu yang benar-benar penegak keadilan (serta) menjadi saksi kerana Allah walaupun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Jika dia (yang diberikan kesaksian itu) kaya atau pun miskin maka Allah lebih mengetahui hal kedua-duanya. Oleh itu, janganlah kamu menurutkan hawa nafsu kerana ingin menyimpang daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan menjadi saksi maka sesungguhnya Allah adalah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.*”

Ayat ini disokong oleh hadith Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang bermaksud, “*Ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinnya. Seorang ketua adalah pemimpin bagi rakyatnya, dan dia akan diminta mempertanggungjawabkan terhadap yang dipimpin. Seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya, dan ia akan diminta mempertanggungjawabkan terhadap mereka. Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga, suami dan anak-anaknya, dan akan diminta mempertanggungjawabkan terhadap yang dipimpinnya. Hatta seorang hamba adalah pemimpin bagi harta tuannya, dan dia juga akan diminta mempertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinnya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan diminta mempertanggungjawabkan atas apa yang kamu pimpin.*” (Hadith Riwayat Muslim)

Kedua-dua dalil ini adalah bukti betapa keadilan itu amat dituntut ke atas setiap pemimpin kerana keadilan mampu menjadikan kita hidup dalam kesejahteraan dan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala, dan kesejahteraan itu adalah salah satu tanda keberkatan daripadaNya juga.

Seorang pemimpin itu haruslah bersifat ‘natural’, tidak menyebelahi mana-mana pihak, ataupun berat sebelah kerana hal ini akan menimbulkan rasa ketidakpuasan hati dan sehingga mampu melonggarkan tali silaturahim. Seperti penghijrahan Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam ke kota Madinah, ia merupakan satu iktibar dan contoh perlakuan adil di dalam kepimpinan atas dasar keadilan, Baginda telah menaiktarafkan kehidupan orang-orang Madinah. Bermula dengan memperbaiki perhubungan di antara penduduk tempatan yang sentiasa bertelingkah, kemudian menjalinkan hubungan mereka dengan rombongan pendatang (muhajir). Dalam suasana yang sudah aman, ekonomi yang dahulunya perlahan kerana disibukkan oleh perbalahan telah berubah menjadi rancak.

Ini keberkatan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala apabila memiliki pemimpin yang adil dalam menjalankan tugas dan bertanggungjawab. Aktiviti berkeluarga, bermasyarakat, bernegara, berjiran akan menjadi stabil dan harmoni apabila semua pihak menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dan tidak menyerahkan kepada kerajaan semata-mata untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk rakyat.

Tanailah sifat kepimpinan yang adil, laksanakanlah tanggungjawab dan amanah, berikanlah hak kepada yang berhak, nescaya Allah akan menjaminkan rahmat dan berkat berupa kesejahteraan dalam berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

**IMBAS KEMBALI
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1438 HIJRAH
PERINGKAT NEGARA**



TIAH

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاوة والسلام على أشرف المرسلين، سيدنا محمد،
وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد

Alhamdulillah, kita berada pula dalam Tahun Baharu 1438 Hijrah. Pelbagai usaha dan cara dilakukan orang, di merata tempat di muka bumi, untuk menyambut dan membesarakan kedatangan Tahun Baharu ini.

Sambutan Tahun Baharu Hijrah bertujuan untuk mengajak umat Islam menghayati konsep hijrah yang pernah dilalui oleh Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, yang memberi impak besar kepada penyebaran ugama Islam.

Keazaman Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam berhijrah meninggalkan tanah tumpah darah dengan menempuh segala kesukaran, adalah satu strategi untuk menyelamatkan akidah. Strategi ini tidak diragukan lagi adalah strategi ketuhanan, kerana bukankah, berlakunya hijrah itu atas perintah Allah?

Hijrah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam membawa sinar kepada seluruh alam. Dengan berlakunya hijrah, ugama Islam selamat dan dapat menyumbang kepada kemanusiaan sejagat.

Dalam Islam, terdapat Maqasid Syar'iah bagi menjaga atau memelihara lima perkara asasi yang diperlukan oleh semua orang. Lima perkara tersebut ialah : Menjaga atau memelihara ugama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Di dalam lain-lain akidah tidak ada semua ini. Kalau adapun, mungkin tidak semua. Tetapi Islam adalah meliputi, kelima-lima itu mesti dipenuhi untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Salah satu elemen penting yang ditekankan oleh Islam ialah menjaga dan memelihara nyawa. Kerana itu, Islam adalah melarang keras umat Islam membunuh diri dan sekali gus mengharamkan segala bentuk pembunuhan terhadap sekalian hamba Allah dan makhluk yang tidak berdosa.

Inilah di antara ajaran suci ugama Islam. Ajaran ini sangat menyumbang kepada keamanan dan kerukunan hidup sesama insan, tidak kira apa jua pegangan atau anutan. Jika ia benar-benar diamalkan, sudah barang tentu, tidak akan wujud jenayah pembunuhan atau kekejaman atau keganasan.

Jadi adalah dusta dan tidak berasas sama sekali melibatkan Islam dengan keganasan.

Brunei sangat memahami perkara ini, dan telah pun sekian lama menikmati kehidupan yang selamat di bawah panji-panji Islam tanpa sebarang masalah.

Brunei sudah benar-benar matang dalam kehidupan berugama. Rakyatnya juga tidak perlu lagi diajar bagaimana memilih yang terbaik untuk dirinya. Semuanya itu sudah sempurna dilalui dan malah telah menjadi pegangan yang mantap.

Kerana itu kita terkejut, apabila baru-baru ini, akhbar *online*, *Saudi Gazette* menyiarangkan berita penahanan seorang lelaki warga Brunei Darussalam yang disyaki terlibat dalam aktiviti pengganasan di Riyadh, Arab Saudi. Siaran itu bertarikh pada 16 September 2016.

Setelah semuanya diteliti, pada 20 September 2016, akhbar *Saudi Gazette* telah mengakui kesilapannya membabitkan warga Negara Brunei Darussalam dalam laporannya, dan telah membetulkan laporan tersebut.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam melalui Kedutaan Besar kita di Riyadh, Arab Saudi telah memaklumkan bahawa Kerajaan Arab Saudi telah mengesahkan tidak ada warga Negara Brunei Darussalam yang terlibat dalam penangkapan, seperti yang dilaporkan itu.

Beta sendiri secara peribadi, dari awal-awal lagi adalah sukar untuk mempercayai kesahihan berita tersebut berdasarkan, tidak munasabah orang Brunei boleh terlibat dengan aktiviti seperti itu.

Orang-orang Brunei, di samping sudah matang untuk membuat penilaian, mereka juga memang tidak ada masa atau keinginan untuk terbabit dengan sebarang anasir di mana saja. Mereka lebih sibuk membangun Brunei yang aman di bawah kepimpinan yang telus dan adil berpandukan undang-undang dan ajaran Islam tulen.

Alhamdulillah, apa yang beta duga sebagai tidak boleh berlaku itu, pada akhirnya, telah terbukti benar. Segala puji-pujian bagi Allah jua, yang telah memelihara Brunei dan rakyatnya dari terlibat atau dilibatkan dengan perkara-perkara yang kita sendiri tidak ada kena mengenainya.

Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1438, semoga dengan kedatangannya, akan membawa sinar kepada bangsa dan negara. Amin.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ















**IMBAS KEMBALI ACARA IRINGAN
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1438 HIJRAH**

**PEMBERIAN HADIAH KEPADA
ANAK-ANAK DAMIT YANG LAHIR PADA
1 MUHARRAM 1438 HIJRAH**

Daerah Brunei dan Muara







Daerah Belait





**JAWATANKUASA TERTINGGI
MAJLIS SAMBUTAN HARI-HARI KEBESARAN ISLAM
BAGI TAHUN 1439 HIJRAH**



**JAWATANKUASA KERJA
MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1439 HIJRAH
PERINGKAT NEGARA**



Penghargaan dan Terima Kasih

Kepada

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan
dari Kementerian-Kementerian dan Jabatan-
Jabatan Kerajaan, Syarikat-Syarikat Swasta Serta
Semua Pihak Yang Terlibat Mengendalikan
Majlis Sambutan Awal Tahun 1439 Hijrah
Peringkat Negara

Sama-Sama Kita Berdoa Semoga
Allah Subhanahu wa Ta'ala Melimpahkan
Pahala dan Rahmat-Nya Kepada Kita Semua

Catatan

Catatan

Catatan

Catatan

Catatan

Catatan

دچىق اولە
جباتن فرچىتلىك كاجان
جباتن فردان منرىي، نكارا برونى دارالسلام